



Pelajar SM Pahi dan SK Paloh terpaksa mengambil risiko menggunakan bot tambang menyeberangi Sungai Lebir untuk ke sekolah di Kuala Krai, semalam.



Tengku Abdullah menyampaikan sumbangan kepada mangsa banjir selepas melawat Kampung Galing di Kuantan, semalam.

(FOTO HALIM MAT ALI/BIH)

200 pelajar kena naik bot

Kota Bharu: Lebih 200 pelajar terpaksa menggunakan bot untuk ke sekolah selepas Jambatan Sungai Lebir, yang menghubungkan kampung mereka ke Manek Urai, Kuala Krai, ditenggelami banjir, sejak Ahad lalu.

Pelajar terbabit kebanyakannya dari Sekolah Kebangsaan (SK) Paloh dan Sekolah Menengah (SM) Pahi, Kuala Krai, menggunakan perkhidmatan bot tanpa ciri keselamatan seperti jaket keselamatan, bagi menghadiri sesi baru persekolahan yang bermula kelmarin.

Banjir itu juga menyebabkan kira-kira 800 penduduk empat kampung antaranya Kampung Manjur dan Kampung Pembirian, terpaksa menggunakan perkhidmatan bot untuk menyeberangi sungai berkenaan.

Rosmarina Abdul Ghaffar, 17, berkata dia bersama rakan terpaksa menggunakan perkhidmatan bot untuk ke sekolah apabila satu-satunya penghubung ke sekolah iaitu jambatan berkenaan ditenggelami banjir sejak tiga hari lalu.

Ganti semula hari persekolahan

Rumah baru mangsa banjir

» 44 keluarga dari kampung dilanda bah pindah akhir bulan

Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bharian.com.my

► Kuantan

Sebanyak 44 keluarga di Galing Besar dan Kampung Sungai Galing, di sini yang terjejas teruk akibat banjir kilat pada 24 Disember lalu, akan diberi penempatan baru di Perumahan Pak Mahat, Kempadang, di sini.

Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah, bertitah penduduk terbabit boleh berpindah ke penempatan baru itu dalam masa tiga minggu.

Baginda bertitah, keluarga

terbabit akan disediakan kawasan penempatan baru yang lebih selesa di perumahan itu berbanding keadaan kedia-man mereka sekarang yang sudah tidak selamat untuk diduduki akibat kejadian banjir itu.

Titah baginda, kerajaan negeri bercadang menggunakan konsep sewa beli kepada penduduk dengan harga berpatutan bagi memastikan mereka memiliki rumah yang sempurna.

"Kebanyakan penduduk di kawasan ini tinggal dalam keadaan yang daif dan (banjir) menjadi cabaran besar buat mereka. Bagaimanapun, apa yang berlaku ada hikmahnya kerana akan mempunyai penempatan baru.

Proses pembersihan

"Mereka perlu meninggalkan kawasan yang mereka duduk sekarang ini supaya Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) dapat membuat proses pembersihan untuk mengelakkan ka-

wasan ini menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes," titah baginda ditemui selepas melawat mangsa banjir di Kampung Sungai Galing, di sini, semalam.

Tengku Abdullah bertitah, penduduk terbabit seharusnya berterima kasih kepada kerajaan negeri yang mengambil berat nasib yang menimpa mereka, sekali gus membuktikan kerajaan sentiasa prihatin terhadap rakyat.

Baginda juga tidak menolak kemungkinan semua rumah

"Kebanyakan penduduk di kawasan ini tinggal dalam keadaan yang daif dan (banjir) menjadi cabaran besar buat mereka"

Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah,
Tengku Mahkota Pahang

itu akan dirobohkan selepas kerja pembersihan dilakukan, namun perkara itu terpulang kepada keputusan kerajaan negeri.

"Rumah di kawasan ini mungkin akan dirobohkan...biar MPK buat kerja pembersihan dahulu dan mungkin selepas itu kerajaan negeri akan membuat keputusan.

"Pada masa sama Jabatan Pengairan dan Saliran negeri akan mengkaji saluran perparitan di kawasan berkenaan bagi mengelak kejadian sama berulang kembali," titahnya.

Sementara itu, bagi mangsa banjir, tiada perkataan yang mampu menzahirkan perasaan gembira mereka, selain ucapan terima kasih kepada kerajaan negeri yang prihatin akan nasib mereka.

Rosmawati Abdul Rashid, 35, berkata kebimbangan yang menyelubungi mereka sekeluarga setiap kali hujan lebat bakal berakhir apabila mereka berpindah ke perumahan baru, selewat-lewatnya bulan depan.